

Lengkapkan karangan di bawah dengan frasa yang sesuai.

sering dikunjungi pelancong	taman-taman rekreasi
kemudahan-kemudahan asas	bertambah cantik dan unik
tempat-tempat bersejarah	Taman Mahkota Jubli Emas
reka bentuk rumah-rumah	banyak tempat menarik
dari luar negara	dikenali sebagai sebuah
dibina di atas air	setiap hujung minggu
menggunakan perahu tambang	perkampungan air terbesar
juga menjadi tumpuan	terletak di Daerah Tutong
tahun 90-an	kita sama-sama
Taman Rekreasi Hutan Belalong	tempat semula jadi
Taman Permainan Jerudong	sudah terdapat jambatan

Tajuk: **Tempat-Tempat Menarik Di Negara Brunei Darussalam**

Di Negara Brunei Darussalam, _____ yang boleh dikunjungi. Antara tempat-tempat menarik dan popular di negara ini ialah _____, taman-taman rekreasi, pantai-pantai peranginan, wasai dan sebagainya.

Tempat paling menarik yang _____ ialah Kampung Ayer. Kampung Ayer adalah perkampungan yang _____ sejak lebih seribu tahun yang lalu. Kampung Ayer terletak di muara Sungai Brunei, Bandar Seri Begawan dan merupakan _____ di Asia Tenggara. Ia juga digelar 'Venice of The East' atau 'Venice Timur'. Kampung Ayer amat popular dan menarik kerana _____ yang ada di sana, lain

daripada yang lain. Penduduknya bersifat ramah-tamah dan juga kedudukannya sangat strategik. Kampung Ayer ini _____ pada waktu malam kerana persekitarannya dihiasi dengan pelbagai bentuk dan beraneka lampu cucul.

Selain itu, _____ tidak kurang juga hebatnya di negara ini. Taman rekreasi yang paling popular dan sering dikunjungi oleh para pelancong dalam dan luar negeri ialah _____ yang terletak di Daerah Temburong. Daerah Temburong memang kaya dengan keindahan flora dan faunanya. Sebelum tahun 2020, untuk sampai ke tempat itu, kita terpaksa _____. Sekarang _____ dari Daerah Brunei dan Muara, iaitu Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien. Taman-taman rekreasi lain yang juga sering mendapat kunjungan orang ramai dan juga pelancong ialah _____, Taman Rekreasi Bukit Shahbandar, Taman Persiaran Sungai Damuan, Taman Teknologi Agro Kampung Tungku, Taman Rekreasi Sungai Liang dan banyak lagi.

Pantai merupakan _____ yang cantik dan menarik. Tempat ini sering menjadi tumpuan penduduk negara ini pada _____. Malah para pelancong _____ juga turut menikmati keindahan pantai di negara ini. Pantai yang sering menjadi tumpuan di negara ini ialah Pantai Seri Kenangan yang _____. Selain dari Pantai Seri Kenangan, Pantai Tungku, Pantai Muara dan Pantai Serasa _____ orang ramai di hujung minggu dan musim cuti persekolahan.

Taman permainan juga turut mejadi tumpuan di negara ini. Taman permainan yang dimaksudkan ialah ____ atau lebih dikenali dengan nama 'Jerudong Park Playground'. Taman ini dibina dalam sekitar _____. Taman ini terletak di kawasan Kampung Jerudong berhampiran dengan Istana Nurul Izzah. Taman ini dilengkapi dengan _____ seperti tempat letak kereta, gerai makan dan pentas persembahan.

Oleh itu, marilah _____ menjaga keindahan dan kebersihan tempat-tempat ini. Ia penting agar negara kita _____ negara yang bersih, aman dan selamat untuk dikunjungi pelancong dan orang ramai.